

03/07/2002

PM lawat Thailand dua hari

PUTRAJAYA, Selasa - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Thailand mulai Jumaat ini.

Dr Mahathir akan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, Datuk Iskandar Dzakurnain Badarudin.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab, berkata Dr Mahathir yang dijangka kembali ke tanah air pagi esok selepas bercuti seminggu di Eropah, akan memulakan acara lawatan di Chiang Mai.

Di sana, Dr Mahathir akan disambut Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan kemudian memeriksa satu perbarisan kehormatan.

Perdana Menteri dijadual melawat sebuah kilang seramik yang menjadi contoh dasar industri kecil dan sederhana (IKS) Thailand dan dua kilang contoh dasar projek Satu Kampung Satu Produk.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir dijadual diraikan oleh Shinawatra pada majlis jamuan malam di Universiti Chiang Mai.

Pada hari kedua lawatan, Dr Mahathir akan berlepas ke Bangkok dan dijadualkan berucap pada majlis jamuan tengah hari bersama ahli perniagaan Malaysia dan Thailand yang beroperasi di Bangkok.

Beliau kemudian mengadakan mesyuarat dua hala.

Dr Mahathir juga dijadualkan menghadiri majlis makan malam rasmi yang diberikan oleh rakan sejawatannya di Rumah Kerajaan.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke tanah air pada pagi Ahad. - Bernama